



BERJASA... Sekitar majlis serah tugas yang berlangsung di Jabatan Canselor, semalam.

UUM ONLINE: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Dahlan Ismail banyak menyumbang jasa dan bakti dalam memperkukuhkan bidang penyelidikan di universiti ini, kata Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Beliau berkata, sumbangan paling besar dilakukannya ialah mengasaskan penubuhan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) sehingga menjadi pusat yang mampu menggalakkan penyelidikan di universiti ini.

"Penyusunan semula RIMC membolehkan kita memperkukuhkan usaha memperoleh geran penyelidikan FRGS dan berjaya menggondol banyak hadiah apabila menyertai pameran dalam dan luar negara," katanya.

Katanya, jasa lain ialah memperkenalkan sistem KM Portal serta membantu universiti dalam bidang pertanian dan penternakan yang menjadi sebahagian daripada bidang kepakarannya.

"Khidmatnya selama tiga tahun, tidak akan dilupakan oleh UUM, dan kita mengucapkan setinggi penghargaan kepadanya sepanjang berkhidmat di sini," katanya ketika majlis serah tugas di sini, semalam.

Sementara itu, Prof. Dr. Dahlan berkata, beliau mengucapkan ribuan terima kasih atas kepercayaan semua pihak sepanjang menjalankan tugas di universiti ini.

"Saya mendoakan agar UUM lebih cemerlang dan terbilang pada masa akan datang," katanya.

Habis.